

Penduduk mohon tong sampah lebih besar

HARJIAN METRO 9/3/2017

Kuantan: Penduduk di tiga kampung di sini merayu pihak berkuasa tempatan untuk menyediakan lebih banyak tong sampah yang lebih besar bagi menampung jumlah sampah-sarap yang semakin banyak setiap hari.

Buat masa ini tiga kampung berkenaan iaitu Kampung Belukar, Kampung Kurnia dan Kampung Razali terpaksa berkongsi tong sampah sehingga menyebabkan lambakan sampah keluar dari tong sampah yang diletakkan di Kampung Kurnia.

Ketiadaan tong sampah besar itu menyebabkan ada segelintir pihak membuang sampah merata-rata termasuk di bahu jalan, sekali gus memberi imej kurang me-

nyenangkan kepada orang ramai yang berkunjung ke kawasan berkenaan.

Penduduk, Shafee Abdul Rahman, 45, berkata, tong sampah sedia ada tidak mampu menampung jumlah sampah-sarap yang dibuang penduduk kerana ia membabitkan tiga perkampungan.

“Ini menyebabkan penduduk meletak sampah di luar tong sampah dan keadaan itu menimbulkan pelbagai masalah lain.

“Sampah-sampah dlonggokkan di luar begitu sahaja menyebabkan ia menjadi tarikan kepada binatang liar, termasuk anjing yang menyelongkar mencari makanan,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.



SEORANG penduduk melintasi kawasan tong sampah.